

Putrajaya: Pelbagai tawaran menarik yang diiklankan pemilik premis pajak gadai tidak berlesen membuat pelanggan tertarik untuk memajak barang kemas milik mereka tanpa memikirkan risiko yang bakal ditanggung.

Penguasa Polis Siasatan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kredit Komuniti) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Superintendan Mohd Fauzi Hassan berkata, barangan yang dipajak di premis tidak berlesen itu tidak mendapat perlindungan insurans, andai berlaku kebakaran pada premis, pelanggan tidak boleh membuat tuntutan terhadap barangan mereka.

Katanya, iklan mengenai tawaran menarik itu dilihat

Risiko pajak di premis tak berlesen



MOHD Fauzi (tengah) menunjukkan barang rampasan empat premis pajak gadai tidak berlesen di Kuala Lumpur dan Johor pada sidang media.

semakin berleluasa di platform media sosial yang secara tidak langsung mengaburi mata pelanggan terhadap premis pajak gadai tidak berlesen berkenaan.

"Hanya satu jenis papan tanda untuk iklan pemegang pajak gadai yang sah boleh digunakan iaitu Pemegang Pajak Gadai Berlesen manakala iklan seperti Beli Surat Pajak, Upah Simpan dan Beli Barang Kemas adalah contoh perniagaan pajak gadai tidak berlesen.

"Selain itu, pajak gadai tidak berlesen ini mempunyai modus operandi hampir sama seperti mempunyai perjanjian dan terma pajakan yang ke-

banyakannya tidak tetap mengikut kehendak premis serta mengambil keuntungan melebihi dua peratus sebulan.

"Bagi pajak gadai tidak berlesen ini, barangan yang tidak ditebus dalam tempoh tertentu akan dilupuskan serta barangan pelanggan tidak disimpan dalam premis terbabit," katanya kepada pemberita dalam sidang media khas di sini semalam.

Mohd Fauzi berkata, pihaknya kini sedang giat menjalankan Ops Pemegang Pajak Gadai bagi membanteras sindiket atau premis yang menjalankan perniagaan pajak gadai

tanpa lesen.

"Baru-baru ini kita mengadakan operasi di Cheras, Kuala Lumpur dan Batu Pahat, Johor selepas menerima aduan daripada orang awam mengenai perniagaan pajak gadai tanpa lesen.

"Dalam serbuan berkenaan, kita berjaya menahan dua individu yang bekerja di dua premis itu selain merampas barangan dan dokumen membabitkan urusan pajak gadai terbabit.

"Kedua-dua individu yang ditahan itu akan dituntut di Mahkamah Majistret yang berkaitan dalam masa terdekat dan kes disiasat mengikut Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 kerana menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen," katanya.